



**PENILAIAN PRESTASI PEMAIN HOKI PEREMPUAN
PROGRAM TUNAS CEMERLANG
NEGERI PERLIS**

BADRISHAM BIN CHE YOB



DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI

**MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SAINS SUKAN**



**FAKULTI SAINS SUKAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2005**





PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

BADRISHAM BIN CHE YOB
20031001077





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat juga menyiapkan dan menyempurnakan disertasi ini.

Terima kasih yang tidak terhingga dan sekalung penghargaan kepada Penyelia Disertasi Dr. Ahmad bin Hashim yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga serta tidak jemu-jemu memberi nasihat, bimbingan, panduan, tunjuk ajar, sumbangan ilmu pengetahuan dan dorongan dalam tempoh menyiapkan disertasi ini. Ilmu yang dicurahkan amat bernilai dan sukar untuk dibalasnya. Segala teguran dan nasihat akan dijadikan panduan di masa hadapan.

Setinggi penghargaan serta terima kasih ditujukan kepada Dekan Fakulti Sains Sukan, Prof. Madya Dr. Shaharudin bin Abdul Aziz yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam membantu penyelidik menyiapkan disertasi ini. Tidak ketinggalan juga penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada pembantu penguji, pemain hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis, ahli panel Tunas Cemerlang Kebangsaan serta semua jurulatih Pusat Tunas Cemerlang seluruh Malaysia kerana memberi kerjasama dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan terutama saudara Wan Azizi bin Wan Omar dan Jaafar bin Bohari serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Sesungguhnya sesuatu yang baik datang dari Allah dan yang buruk itu datang dari diri sendiri. InsyaALLAH.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengukur dan menilai prestasi kemahiran pemain hoki mengikut umur serta pembentukan norma Ujian Kemahiran Hoki. Pemain hoki perempuan Tunas Cemerlang Negeri Perlis berjumlah 30 (15 berumur 14 tahun dan 15 berumur 15 tahun) orang dipilih untuk menjadi sampel. Pengukuran prestasi kemahiran diperoleh berdasarkan tujuh ujian yang terdiri daripada Ujian Kemahiran Menjaring Gol, Ujian Kemahiran Menguis Jarak, Ujian Kemahiran Hantaran Tolak, Ujian Kemahiran Menguis Ketepatan, Ujian Kemahiran Mengelecek, Ujian Kemahiran Menolak Kilas dan Ujian Bintang. Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Menjaring Gol menunjukkan nilai $t(28) = 27.99$, $p = .382$ tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=48.41$, $SD=10.10$) dan 15 tahun ($M=51.66$, $SD=9.96$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Menguis Jarak menunjukkan nilai $t(28) = 23.26$, $p = .039$ terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=46.22$, $SD=11.35$) dan 15 tahun ($M=51.66$, $SD=9.96$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Hantaran Tolak menunjukkan nilai $t(28) = 27.91$, $p = .000$ terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=43.90$, $SD=7.72$) dan 15 tahun ($M=56.13$, $SD=8.17$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Menguis Tepat menunjukkan nilai $t(28) = 27.47$, $p = .006$ terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=45.23$, $SD=8.26$) dan 15 tahun ($M=54.83$, $SD=9.50$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Mengelecek menunjukkan nilai $t(28) = 27.90$, $p = .162$ tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=47.41$, $SD=9.50$) dan 15 tahun ($M=52.54$, $SD=10.07$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Kemahiran Menolak Kilas menunjukkan nilai $t(28) = 27.50$, $p = .001$ terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=44.29$, $SD=7.72$) dan 15 tahun ($M=51.71$, $SD=8.85$). Ujian-t Sampel Tidak Bersandar bagi Ujian Bintang menunjukkan nilai $t(28) = 28.00$, $p = .013$ terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pemain perempuan 14 tahun ($M=45.61$, $SD=9.10$) dan 15 tahun ($M=54.42$, $SD=9.10$).



ABSTRACT

The purpose of this study is to measure and evaluate the skills performance level according to age and the setup of norm for the Skill Hockey Test. 30 girls of 14 to 15 years old from Girls Hockey of Tunas Cemerlang in Perlis, has been chosen as samples. The measurement of the skills performance level are being acquired based on the Skill Performance Test that comprises Goal Scoring Skill Test, Scoup Skill Test, Push Skill Test, Flick Skill Test, Dribbling Skill Test, Reverse Stick Skill Test and Star Test. Independent t-test for the Goal Scoring Skill Test showed $t(28) = 27.99$, $p = .382$ no significant differences towards the females students age 14 years old ($M=48.41$, $SD=10.10$) and 15 years old ($M=51.66$, $SD=9.96$). Independent t-test for the Scoup Skill Test showed $t(28) = 23.26$, $p = .039$ significant differences towards the females students age 14 years old ($M=46.22$, $SD=11.35$) and 15 years old ($M=53.75$, $SD=6.98$). Independent t-test for the Push Skill Test showed $t(28) = 27.91$, $p = .000$ significant differences towards the females students age 14 years old ($M=43.90$, $SD=7.72$) and 15 years old ($M=56.13$, $SD=8.17$). Independent t-test for the Flick Skill Test showed $t(28) = 27.47$, $p = .006$ significant differences towards the females students age 14 years old ($M=45.23$, $SD=8.26$) and 15 years old ($M=54.83$, $SD=9.50$). Independent t-test for the Dribbling Skill Test showed $t(28) = 27.90$, $p = .162$ no significant differences towards the females students age 14 years old ($M=47.41$, $SD=9.50$) and 15 years old ($M=52.54$, $SD=10.07$). Independent t-test for the Reverse Stick Skill Test showed $t(28) = 27.50$, $p = .001$ significant differences towards the females students age 14 years old ($M=44.29$, $SD=7.72$) and 15 years old ($M=51.71$, $SD=8.85$). Independent t-test for the Star Test showed $t(28) = 28.00$, $p = .013$ significant differences towards the females students age 14 years old ($M=45.61$, $SD=9.10$) and 15 years old ($M=54.42$, $SD=9.10$).



KANDUNGAN

Halaman

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	x

BAB

1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Kepentingan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan kajian	12
1.6 Limitasi Kajian	13
1.7 Definisi Kajian	14

2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	16
2.2 Teori Berkaitan	29

3 METADOLOGI

3.1 Pengenalan	35
3.2 Rekabentuk Kajian	36
3.3 Populasi	36
3.4 Persampelan	37
3.5 Kerangka Konseptual	39
3.6 Pembolehubah	39
3.6.1 Pembolehubah Bersandar	40
3.6.2 Pembolehubah tak Bersandar	40
3.7 Instrumen kajian	41
3.8 Pembentukan Instrumen	44
3.9 Kaedah Pentadbiran Instrumen	50
3.10 Kajian Rintis	53
3.11 Kesahan Instrumen	54



3.12	Kebolehpercayaan	57
3.13	Penganalisaan Data	60

4 PENGANALISAAN DATA

4.1	Pengenalan	62
4.2	Analisis Statistik Diskriptif	62
4.3	Analisis Statistik Inferensi	65

5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	92
5.2	Kesimpulan	93
5.3	Cadangan	96

RUJUKAN	97
----------------------	-----------

A	Borang Soal Selidik Kesahan Kriteria Ujian Kemahiran Hoki ...	103
B	Borang Skor Ujian Kemahiran Hoki	105
C	Teknik Lakuan Ketika Melakukan Ujian	107
D	Prosedur Ujian Kemahiran Hoki	112



SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 Sampel Mengikut Umur	38
3.2 Nilai Kesahan bateri ujian kemahiran hoki	57
3.3 Nilai Kebolehpercayaan bateri ujian kemahiran hoki.....	59
4.1 Bilangan Subjek Berdasarkan umur	63
4.2 Statistik Diskriptif Min dan Sisihan Piawai Skor Kemahiran Hoki Keseluruhan	64
4.3 Statistik Diskriptif Min dan Sisihan Piawai Skor Kemahiran Pemain Hoki Umur 14 Tahun dan 15 Tahun	64
4.4 Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Menjaring Gol Berdasarkan Ketepatan Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	67
4.5 Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Menguis Jarak Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	69
4.6 Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Hantaran Tolak Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	70
4.7 Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Menguis Tepat Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	72
4.8 Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Mengelecek Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	74



4.9	Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Menolak Kilas Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	76
4.10	Keputusan Analisis Ujian-t Sampel Tidak Bersandar Bagi Perbezaan Prestasi Ujian Kemahiran Ujian Bintang Pemain Hoki Tunas Cemerlang Perempuan Perlis Berumur 14 Tahun dan 15 Tahun	77
4.11	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Menjaring Gol	78
4.12	Norma bagi kemahiran Ujian Menjaring Gol	79
4.13	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Menguis Jarak	80
4.14	Norma bagi kemahiran Ujian Menguis Jarak	81
4.15	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Hantaran Tolak	82
4.16	Norma bagi kemahiran Ujian Hantaran Tolak	83
4.17	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Menguis Tepat	84
4.18	Norma bagi kemahiran Ujian Menguis Tepat	85
4.19	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Mengelecek	86
4.20	Norma bagi kemahiran Ujian Mengelecek	87
4.21	Norma Persentil bagi ujian Kemahiran Menolak Kilas	88
4.22	Norma bagi kemahiran Ujian Menolak Kilas	89
4.23	Norma Persentil bagi Kemahiran Ujian Bintang	90
4.24	Norma bagi kemahiran Ujian Bintang	91



SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Teori tiga sistem ingatan	31
2.2 Teori fasa perkembangan motor	33
3.1 Kerangka konseptual kaedah penilaian prestasi pemain hoki tunas cemerlang	40
3.2 Model penilaian sistematik	42
3.3 Model proses membina ujian kemahiran hoki program hoki tunas cemerlang Perlis.	49
3.4 Kedudukan stesen dan kitaran ujian kemahiran hoki	52





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Permainan hoki merupakan salah satu permainan yang paling tua di dunia. Diperkirakan perkataan hoki adalah berasal daripada perkataan Perancis iaitu 'hoquet' yang membawa erti kayu bengkok yang digunakan oleh gembala. Permainan ini adalah popular di kalangan gembala pada abad ke 15 sebagai satu kegiatan masa lapang. Akhirnya permainan ini dikenali sebagai 'hockey' sehinggalah hari ini. Permainan hoki dikawal dan dikembangkan oleh Persekutuan Hoki Antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1900. Ia mula dipertandingkan buat pertama kalinya dalam sukan Olimpik pada tahun 1908 di London. Di Malaysia, permainan hoki mula diperkenalkan pada abad ke 19 oleh askar British. Permainan ini mula dimainkan pertama kali di Padang Kelab Selangor pada 30 November 1898. Kali pertama pasukan Malaysia mengambil bahagian dalam sukan Olimpik adalah pada tahun 1956 di Melbourne, Australia.





Pada abad sekarang permainan hoki ini telah menampakkan satu perubahan yang besar apabila ia mula dimainkan di atas padang rumput tiruan. Permainan hoki pada masa kini pula telah menjadi semakin mencabar dan memerlukan kemahiran individu, kemahiran taktikal serta kecergasan mental dan fizikal yang tinggi. Prestasi kecergasan motor seperti koordinasi, keseimbangan, ketangkasan, kuasa, masa reaksi dan kepantasan amat diperlukan oleh pemain hoki sekarang. Walaupun begitu elemen kemahiran asas seperti memukul, menolak, menahan, menguis, menguis jarak dan kawalan bola dalam mengelecek perlu dikuasai oleh pemain.

Menurut Schmidt (1991), kemahiran didefinisikan sebagai kebolehan yang dihasilkan dengan kepastian yang maksimum dan meminimumkan pengeluaran tenaga dan masa. Umumnya kemahiran boleh ditakrifkan sebagai :-

i. Memaksimumkan pencapaian

ii. Meminimumkan penggunaan tenaga fizikal dan mental untuk mencapai satu tahap prestasi dan

iii. Meminimumkan penggunaan masa.

Keadaan ini amat penting bagi permainan hoki pada masa kini, kerana permainan hoki masa kini amat pantas dan memerlukan tenaga yang banyak. Oleh itu kemahiran individu yang tinggi amat diperlukan dalam permainan hoki masa kini, terutamanya apabila bertanding di peringkat antarabangsa.

Menyedari kepentingan mempertingkatkan kemahiran inilah maka pelbagai pihak telah merencanakan pelbagai program pembangunan semata-mata untuk meningkatkan prestasi pasukan hoki negara serta mengenal pasti bakat yang dapat diketengahkan di peringkat yang lebih tinggi. Dotan, Goldbourt dan Bar-Or (1980), berpendapat bahawa



bakat perlu dikenal pasti dari peringkat awal umur individu lagi. Pada umur yang muda ini, pemain yang berpotensi dalam sukan mempunyai jangka masa yang panjang untuk digilap bakat mereka oleh jurulatih. Van Zijl (1984), menganggap jurulatih yang berkualiti sebagai satu keperluan yang penting dalam pembangunan sukan. Pencapaian tertinggi adalah penting dalam mana-mana program sukan. Oleh yang demikian ahli sukan berbakat perlu dikenal pasti dari peringkat umur yang awal lagi. Menurut Orlick (1974), di antara 22% hingga 37% pemain berumur antara 13 hingga 15 tahun akan berhenti bermain dalam pelbagai jenis sukan. Kurangnya pengalaman dan kemahiran yang ada untuk bersaing menyebabkan mereka berasa tidak cekap dan tidak berkemampuan untuk bersaing secara efektif di dalam sukan tersebut (Feltz dan Petlichkoff, 1983; Nel, 1978). Menurut Bompa (1986), kaedah untuk mengenal pasti bakat pemain di dalam sukan spesifik harus dilaksanakan dengan menggunakan kaedah saintifik.

Salah satu program yang telah dikenalpasti dapat melahirkan pemain hoki berbakat dan berprestasi tinggi adalah melalui Program Hoki Tunas Cemerlang yang dibiayai oleh Majlis Sukan Negara. Program tersebut mendapat kerjasama daripada Persekutuan Hoki Malaysia dan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia. Ia telah diperkenalkan di peringkat sekolah bagi kumpulan umur 13 – 15 tahun bertujuan memberi satu latihan dengan tunjukcara yang tepat berteraskan kepada prinsip biomekanik secara berterusan. Ia juga dapat mendedahkan pemain kepada satu sistem latihan yang rapi dan mempunyai objektif yang jelas. Program ini juga dapat mengenal pasti bakat pemain lebih awal untuk dilanjutkan pada peringkat lebih tinggi serta melahirkan pemain-pemain yang bersikap positif. Secara amnya projek ini merangkumi konsep dan sistem latihan



serta cara pengelolaan dan penilaian. Matlamat akhirnya adalah untuk menghasilkan pemain yang dapat menguasai kemahiran asas hoki seperti memukul, mengelecek, menahan, menolak, menghantar dan menerima bola dengan baik.

Menurut Strand & Wilson (1993), sekiranya pemain dapat meningkatkan penguasaan kemahiran, mudah bagi pemain tersebut untuk mengubah kepada tahap kemahiran yang lebih tinggi lagi pada masa hadapan. Bagi membolehkan pemain menguasai kemahiran asas ini maka program ini memerlukan pendekatan kaedah latihan yang mantap dan menyeluruh meliputi aspek mental dan fizikal.

Penilaian menjadi petunjuk kepada tahap penguasaan pemain dan mengesan mutu latihan seorang jurulatih (Baumgartner dan Jackson, 1999). Jurulatih perlu melaksanakan program penilaian pemain untuk jangka pendek dan jangka panjang. Penilaian juga adalah satu proses membuat keputusan yang dinamik. Ia melibatkan proses mengumpul data, analisis data berdasarkan piawaian dan membuat keputusan berdasarkan data.

Baumgartner dan Jackson (1999) seterusnya menegaskan bahawa penilaian yang berkualiti adalah bergantung kepada kualiti data yang dikumpulkan. Jika sesuatu keputusan ujian tidak ada kesahan dan kebolehpercayaan, ketepatan ujian itu boleh diragui. Ini dapat dilihat dari ujian yang telah dibuat oleh Chapman (1982), iaitu bertujuan untuk menilai keupayaan pergerakan kayu hoki pemain. Ujian keupayaan pergerakan kayu hoki mempunyai nilai kesahan $r = .63$ dan kebolehpercayaan $r = .89$. Begitu juga dengan ujian yang dibuat oleh Henry-Friedel (1970). Ujian ini bertujuan menilai keupayaan pemain mengelecek, menimbang dan menjaring. Ujian mengelecek mempunyai nilai kesahan yang dilaporkan iaitu $r = .70$ hingga $.89$ manakala nilai kebolehpercayaan dicatat melalui kedah uji ulang uji ialah $r = .71$ hingga $.81$.





Prosedur ujian yang baik dan teratur juga dapat melengkapkan pemain dengan pengalaman yang positif manakala prosedur ujian yang tidak lengkap akan mengakibatkan kemunduran prestasi kepada pemain itu sendiri. Miller (1988) menyatakan, prosedur ujian kemahiran yang baik dapat mencetuskan semangat melawan pemain. Ini bermaksud pemain dapat berlumba-lumba untuk meningkatkan prestasi kemahiran melalui ujian yang dijalankan. Barrow, Mc Gee dan Tritscher (1989) berpendapat, penguji perlu menguji pemboleh ubah yang boleh dikawal seperti prestasi pemain dan pencapaian yang berkaitan dengan permainan. Ujian kemahiran juga menolong dalam penilaian jurulatih dengan memberi maklumat sama ada objektif yang disasar tercapai atau tidak (Baumgartner & Jackson, 1982). Jika sesuatu objektif yang dibuat tidak tercapai seperti yang ditentukan melalui ujian kemahiran, jurulatih dapat mengubah teknik dan kaedah latihan yang lebih bersesuaian. Ujian kemahiran juga dapat membantu dalam mengenal pasti kelemahan dan kekuatan seorang jurulatih itu (Johnson & Nelson, 1986).

Walaupun bagaimanapun, Baumgartner & Jackson (1999) menyatakan ujian kemahiran walaupun amat berguna untuk penilaian pembelajaran, ia juga boleh digunakan untuk penempatan, diagnosis, telahan, penilaian jurulatih dan motivasi. Untuk percubaan ke arah peningkatan kemahiran, jurulatih akan mengelaskan pemain dalam kumpulan tertentu. Ujian kemahiran menyediakan satu kaedah yang cepat, berkesan dan keobjektifan terhadap pengkelasan pemain kepada kebolehan tertentu (Strand dan Wilson 1993). Sekiranya terdapat peningkatan prestasi, ia akan memudahkan pemain memindahkan kepada kemahiran yang lebih sukar. Walaupun pelaksanaan dan pentadbiran adalah rumit dan menyukarkan, akan tetapi dapatan hasil daripada ujian kemahiran amat berguna kepada jurulatih dari segi penempatan.



Dignosis adalah satu penilaian berdasarkan pemerhatian. Ia adalah bertujuan untuk seorang jurulatih sentiasa mengesan kelemahan, kekuatan dan peningkatan pemain (Strand dan Wilson 1993). Maklumat yang diperolehi dari ujian kemahiran dapat membantu jurulatih dan pemain mengurangkan kelemahan (Hastad & Lacy, 1989). Ia adalah susah untuk jurulatih melihat pengusaan pemain dalam kemahiran sekiranya ia hanya mendapat satu atau dua peluang mengawal bola semasa permainan. Meskipun ujian kemahiran hoki dapat mengesan kekurangan tertentu pada pemain, diagnosis dapat membantu merangka kaedah latihan untuk pemain yang memerlukan bantuan (Strand dan Wilson 1993). Sekiranya ujian kemahiran yang dilaksanakan tidak mencapai objektif, jurulatih perlu mengubah pendekatan kaedah latihan dan masa yang diperuntukan supaya pemain dapat mencapai peningkatan prestasi dalam ujian kemahiran (Miller, 1988).

Menurut Strand dan Wilson (1993), telahan adalah satu jangkaan awal terhadap prestasi. Pemain mungkin tidak pasti keupayaan mereka terutama bagi mereka yang lambat matang. Melalui ujian kemahiran dan pemerhatian, jurulatih dapat menggalakkan pemain meningkatkan prestasi dalam kemahiran yang dipelajari. Walaubagaimanpun pemain perlu sedar tentang potensi masing-masing untuk berjaya. Ujian kemahiran juga dapat menarik minat pemain untuk percaya bahawa mereka mempunyai potensi untuk berjaya dalam permainan yang diceburi (Strand dan Wilson 1993). Menurut Baumgatner & Jackson (1982), ujian kemahiran juga dapat digunakan untuk membuat telahan atau ramalan kejayaan dalam sukan atau aktiviti. Sebagai contoh, sekiranya pemain dapat melakukan yang terbaik dalam ujian kemahiran yang dilaksanakan seperti ketepatan menguis bola hoki, jurulatih dapat meletakkan pemain itu dalam posisi yang sesuai dalam



pasukan. Oleh itu, kebolehpercayaan ujian adalah kaedah utama dalam memilih pemain untuk diserapkan dalam pasukan (Johnson & Nelson, 1986)

Menurut Barrow & Mc Gee (1973), jurulatih perlu menilai variasi yang dapat dikawal seperti prestasi dan pencapaian pemain dalam objektif yang ditetapkan. Ujian kemahiran dapat membantu penilaian jurulatih melalui maklumat yang disediakan sama ada kemahiran yang diajar dapat dikuasai atau tidak (Baumgatner & Jackson, 1982). Sekiranya kemahiran yang diajar tidak dapat dikuasai oleh pemain, jurulatih disarankan supaya menukar kaedah latihan.

Motivasi pula menurut Strand dan Wilson (1993), adalah satu cara untuk pemain meningkatkan pencapaian. Jurulatih perlu sentiasa menggalakkan pemain menunjukkan prestasi yang terbaik sama ada dalam ujian kemahiran, latihan ataupun dalam pertandingan sebenar. Sekiranya pemain mengetahui bahawa prestasi mereka meningkat, ia merupakan satu motivasi yang terbaik kepada mereka untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran yang baru (Hastad & Lacy, 1989).

Kebolehpercayaan dan kesahan pengukuran dalam kemahiran permainan dan keupayaan fizikal mempunyai tempat yang utama dalam ujian prestasi manusia. Penilaian keupayaan psikomotor adalah tugas asas yang akan dihadapi oleh seorang jurulatih. Ujian kemahiran adalah menjadi perkara penting kepada seorang jurulatih. Kesahan dan kebolehpercayaan ujian membantu mengiktirafkan jurulatih sebagai professional yang dihormati dalam prestasi manusia.

Selain dari penilaian, pentaksiran digunakan dalam mengesan tahap pencapaian seseorang pemain. Pentaksiran ialah proses mengumpul maklumat. Pentaksiran dibuat





berdasarkan penilaian kepada sesuatu keputusan (Morrow, Jackson, Disch & Mood, 2000). Pentaksiran melibatkan pengukuran dan penilaian. Pentaksiran prestasi seorang pemain melibatkan kaedah menguji kemahiran sehingga pemain itu dapat melakukan satu kemahiran dengan betul. Prestasi cemerlang dikatakan sebagai prestasi sebenar jika seorang pemain dapat menunjukkan satu penguasaan kemahiran. Pentaksiran prestasi sukan melibatkan hubungan antara pemain dengan jurulatih di dalam mendapatkan maklumat untuk mencapai suatu matlamat.

1.2 Penyataan Masalah

Pengukuran tentang kemahiran sukan dan keupayaan motor adalah salah satu aspek utama dalam mengukur prestasi manusia. Setakat ini belum ada bateri ujian kemahiran asas serta prosedur ujian yang piawai yang boleh digunakan secara berterusan di mana-mana pusat tunas cemerlang atau sekolah bagi mengukur kemahiran asas. Penilaian yang berkesan memerlukan prosedur ujian yang baik. Hanya prosedur ujian yang baik dan mudah digunakan serta difahami sahaja yang dapat menghasilkan skor ujian yang tekal dan boleh dipercayai. Prosedur ujian kemahiran yang tekal dan baik adalah merupakan ujian yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan.

Ujian kemahiran selalunya mengukur prestasi motor spesifik seperti melontar bola untuk mengukur jarak, kepantasan mengelecek dalam permainan hoki, menjaring gol atau berlari mengikut jarak atau masa yang ditetapkan. Ujian kemahiran juga perlu mempunyai persamaan dengan persekitaran permainan sebenar dan prosedur yang tekal. Ketekalan kesahan ujian kemahiran dinilai antara ujian dan persekitaran permainan



sebenar. Ujian kemahiran adalah salah satu kriteria yang dapat digunakan oleh jurulatih tunas cemerlang atau sekolah untuk menilai peningkatan perlakuan motor pemain. Skor yang diperolehi melalui ujian kemahiran asas dapat membantu jurulatih mengetahui tahap prestasi pemainnya. Berdasarkan prestasi tersebut, jurulatih dapat mengenalpasti pemain yang baik dan lemah. Kesukaran untuk menggunakan ujian yang tidak mempunyai prosedur yang piawai untuk mengukur kemahiran yang dinilai merupakan masalah besar kepada jurulatih hoki tunas cemerlang atau sekolah. Keputusan ujian yang diperolehi tidak dapat menunjukkan tahap penguasaan pemain yang sebenar.

Oleh itu kajian ini adalah untuk menilai prestasi pemain hoki melalui penggunaan ujian kemahiran yang piawai dan lengkap dengan pentadbiran dan prosedur ujian serta kaedah pemberian skor yang tekal.

1.3 Kepentingan Kajian

Maklum balas mengenai prestasi kemahiran ini dapat membantu guru atau jurulatih mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pemain. Keputusan dapatan daripada pengujian ini dapat memberi gambaran sebenar tentang status prestasi pemain dalam aspek menjaring, menguis, menolak, mengelecek, menolak kilas dan ketangkasan. Maklum balas pencapaian ujian ini juga dapat meningkat semangat pemain untuk terus berusaha mengekal dan meningkatkan lagi tahap prestasi penguasaan kemahiran dalam permainan hoki. Hasil pengujian ini membolehkan jurulatih menggunakan maklumat ini sebagai asas untuk menghasilkan satu pasukan yang mantap. Kajian ini juga membolehkan pemain



mengetahui prestasi mereka dalam kemahiran yang diajar serta jurulatih dapat menilai kesahan dan kebolehpercayaan ujian yang dibina untuk menguji kemahiran pemain.

Ujian kemahiran asas pemain dapat diukur dan dinilai dengan menggunakan bateri ujian yang baru berserta prosedur ujian yang lebih sistematik. Adalah menjadi harapan agar dapatan kajian ini dapat digunakan oleh semua pusat hoki tunas cemerlang bagi meningkatkan lagi prestasi permainan hoki di Malaysia. Bateri ujian dan maklumat mengenai tahap prestasi pemain ini juga dapat digunakan oleh semua jurulatih hoki program tunas cemerlang .

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan sasaran sebenar yang dibuat oleh penyelidik. Menurut Mohd Majid Konting (2000), objektif kajian berbeza dengan matlamat kerana matlamat merupakan jangkaan umum hasil dari satu aktiviti atau proses. Objektif adalah lebih khusus dan biasanya digunakan untuk mencapai matlamat.

Dalam permainan hoki moden sekarang ini, kriteria yang perlu ada pada seseorang pemain hoki adalah kemahiran yang tinggi, kecergasan, kekuatan dan pengetahuan tentang taktikal. Oleh itu, objektif kajian ini secara keseluruhannya adalah untuk menilai prestasi salah satu daripada kriteria yang penting pada seorang pemain iaitu kemahiran. Menurut Anders (1999), seorang pemain hoki yang baik sentiasa mencuba bermain bersungguh-sungguh dengan melakukan pelbagai kemahiran yang ada dalam permainan hoki. Oleh itu penting bagi seorang jurulatih membina satu ujian yang tekal bagi menilai





prestasi pemain. Hasil dapatan dari ujian ini amat penting untuk membolehkan pemain bermain di peringkat yang lebih tinggi. Kajian ini adalah untuk :-

- i. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam ketepatan melakukan pukulan ketika Ujian Kemahiran Menjaringkan Gol.
- ii. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam melakukan Ujian Kemahiran Menguis berdasarkan jarak.
- iii. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam ketepatan kemahiran menolak ketika melakukan Ujian Kemahiran Hantaran Tolak.
- iv. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam melakukan Ujian Kemahiran Menguis berdasarkan ketepatan.
- v. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam melakukan Ujian Kemahiran Mengelecek berdasarkan kepantasan.
- vi. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam ketepatan melakukan Ujian Kemahiran Menolak Kilas.
- vii. Mengenal pasti prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam ketangkasan melakukan Ujian Bintang.
- viii. Membentuk norma skor ujian kemahiran pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dengan menggunakan bateri ujian kemahiran hoki.





1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini menjadi penggerak kepada penyelidik untuk menjalankan kajiannya. Persoalan kajian ialah :-

- i. Menentukan sejauhmanakah prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam menjaringkan gol berdasarkan ketepatan.
- ii. Menentukan sejauhmanakah prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam melakukan kemahiran menguis berdasarkan jarak.
- iii. Menentukan sejauhmanakah prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam ketepatan melakukan hantaran tolak.
- iv. Menentukan sejauhmanakah prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam menguis berdasarkan ketepatan.
- v. Menentukan sejauhmanakah prestasi kepantasan pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis ketika mengelecek.
- vi. Menentukan sejauhmanakah prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dalam melakukan hantaran kilas berdasarkan ketepatan.
- vii. Menentukan sejauhmanakah ketangkasan pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis ketika mengawal bola dalam melakukan ujian bintang.
- viii. Menentukan sejauhmanakah tahap prestasi pemain hoki tunas cemerlang perempuan Perlis dapat ditentukan melalui ujian kemahiran hoki bagi membentuk norma berdasarkan kemahiran hoki.





1.6 Batasan kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Batasan kajian ini dibahagikan kepada delimitasi dan limitasi. Menurut Creswell (1994), delimitasi bertujuan untuk menunjukkan bagaimana penyelidik mengecilkan skop kajian dan limitasi adalah untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang mungkin wujud dalam sesuatu kajian. Di dalam kajian ini penyelidik telah mengenalpasti beberapa delimitasi dan limitasi yang akan mempengaruhi dapatan kajian.

Dalam menjalankan kajian ini, banyak faktor yang akan mempengaruhi dapatan kajian. Beberapa delimitasi kajian telah dikenal pasti supaya kajian ini dapat memberi satu ukuran yang sebenar tentang kajian yang dijalankan. Antara delimitasi kajian yang dikenal pasti ialah :-

- i. Kajian ini dilakukan hanya pada pemain hoki tunas cemerlang sahaja.
- ii. Kajian ini dilakukan di atas padang rumput tiruan.
- iii. Umur pemain yang diuji adalah antara 14 – 15 tahun.
- iv. Ujian dibantu oleh penguji yang mempunyai objektiviti yang tinggi.
- v. Sampel terbatas kepada 30 orang pemain hoki tunas cemerlang perempuan.

Kajian ini juga mempunyai beberapa limitasi yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik. Terdapat beberapa limitasi kajian iaitu :-

- i. Kesungguhan pemain melakukan ujian yang dibuat. Kemungkinan ada pemain yang tidak melakukan ujian dengan baik.
- ii. Keadaan cuaca yang tidak menentu akan mempengaruhi dapatan ujian.
- iii. Faktor kesihatan pemain.





1.7 Definisi Operasi Kajian

Menurut Sidek Mohd Noah (2000), setiap pembolehubah yang terlibat dalam kajian boleh didefinisikan secara konseptual dan operasional. Definisi konseptual adalah definisi yang diperolehi dari kamus, buku ilmiah dan lain-lain bahan mengenai pembolehubah yang terlibat dalam kajian. Dalam kajian ini penyelidik merangkumkan definisi konseptual dan operasional ke dalam istilah yang digunakan di dalam kajian.

Berikut disenaraikan istilah serta maksud yang diguna pakai sepanjang penulisan ini bagi menerangkan dengan lebih tepat kehendak dan keperluan kajian ini.

i. Penilaian.

Proses menentukan nilai atau tahap status. Menurut Baumgartner dan Jackson (1999), penilaian adalah proses membuat keputusan yang melibatkan pengumpulan data yang sesuai, menentukan nilai pada data dan membuat keputusan berdasarkan data yang piawai.

ii. Prestasi.

Menurut Baumgartner dan Jackson (1999), prestasi membawa maksud cara yang boleh dipercayai dalam membuat penilaian untuk mencapai objektiviti. Ia juga situasi di mana prestasi menghasilkan keputusan. Berdasarkan kajian ini prestasi membawa maksud sejauhmana penguasaan pemain dalam ujian kemahiran yang dijalankan.

iii. Pemain

Merujuk kepada sampel iaitu pemain hoki tunas cemerlang sahaja.





iv. Program Tunas Cemerlang

Satu program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia dan dilaksanakan di sekolah yang terpilih sahaja di seluruh Malaysia.

v. Ujian Kemahiran.

Alat atau instrumen bertujuan untuk mengukur penguasaan kemahiran sesuatu sukan mengikut prosedur ujian yang ditetapkan.

